

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 23 Mac 2016 8:34
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ACCOUNTING & FINANCE KEKAL DALAM 200 TERBAIK QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT 2016



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



23 MAC 2016/ 14 JAMADILAKHIR 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

ACCOUNTING & FINANCE KEKAL DALAM 200 TERBAIK QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT 2016



Subjek *Accounting & Finance* sekali lagi tersenarai dalam kelompok 200 terbaik dunia untuk *QS World University Rankings by Subject 2016* berdasarkan keputusan yang dikeluarkan pada 22 Mac 2016 melalui laman web www.topuniversities.com.

Ini kali kedua berturut-turut subjek *Accounting & Finance* tersenarai dalam kelompok 200 terbaik dunia setelah pada tahun 2015 berada di kedudukan yang sama. Penyenaraian ini membolehkan UUM menggunakan *official badge* QS yang boleh didapati di <http://www.iu.qs.com/2016-rankings-by-subject-badges/> bersama tatacara penggunaannya.

Pada tahun 2016 QS menyenaraikan 42 subjek, bertambah sebanyak 6 subjek berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 2,691 daripada 4,226 universiti telah dinilai berjaya melepasi kelayakan penilaian, daripada jumlah tersebut 945 universiti telah tersenarai.

QS World University Rankings by Subject mengambil kira empat indikator utama iaitu *Academic Reputation*, *Employer Reputation*, *Citation per Paper* dan *h-index*. Namun demikian, setiap subjek yang dinilai mempunyai pemberatannya tersendiri.

Selain subjek *Accounting & Finance* yang tersenarai, sembilan lagi subjek yang telah berada dalam senarai radar *QS World University Rankings by Subject* ialah *Modern Languages*, *Computer Sciences & Information System*, *Mathematics*, *Business & Management Studies*, *Communication & Media Studies*, *Development Studies*, *Education*, *Economics & Econometrics*, dan *Social Policy & Administration*.

IPQ sebagai sekretariat merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Pengajian Perakaunan, Pusat Pengajian Perbankan dan Kewangan, dan Pusat Pengajian Perbankan Islam yang secara tidak langsung menyumbang kepada kejayaan ini. IPQ berharap kejayaan ini menjadi pembakar semangat kepada rakan-rakan di Pusat Pengajian lain untuk terus berusaha dan merangka strategi bagi memastikan subjek pusat pengajian tersenarai pada masa akan datang.

Habis.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3069/4658
FAKS : 04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>